SISTEM TAKSIR SENDIRI

# NOTA PENERANGAN P 2021

# PERKONGSIAN



| TAMBAHAN / PINDAAN | | |
|---|---|---|
| **Ruang** | **Perkara** | **Muka Surat** |
| 7 | Menjalankan perniagaan e-Dagang | 2 |
| B2 | Sewa | 6 |

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

Nota ini bertujuan membantu tuan melengkapkan Borang P bagi Tahun Taksiran 2021. Sila baca nota ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisytiharan semua punca pendapatan bagi Tahun Taksiran 2021 adalah benar, lengkap dan betul.

Helaian kerja, lampiran dan maklumat lain boleh diperoleh di Portal Rasmi LHDNM, *https://www.hasil.gov.my* > Borang > Muat Turun Borang > Selain Syarikat dan Selain Individu > Panduan Pengiraan & Maklumat Lain.

Semua rekod, helaian kerja, dokumen, Borang CP30 dan lain-lain tidak perlu disertakan semasa pengemukaan Borang P. Walau bagaimanapun, ianya perlu disimpan selama tujuh (7) tahun bermula dari akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Pekongsi utama bertanggungjawab mengisi Borang P serta mengeluarkan Borang CP30 kepada setiap pekongsi. Borang CP30 perlu disediakan bagi membolehkan pekongsi melaporkan pendapatan daripada perkongsian dalam tempoh yang ditetapkan.

LHDNM perlu diberitahu secara bertulis jika berlaku perubahan pada Borang P. Pekongsi utama bertanggungjawab mengeluarkan Borang CP30 (Pindaan) kepada pekongsi jika terdapat perubahan dalam pengagihan pendapatan perkongsian.

Sila isi semua ruangan yang berkaitan perlu diisi dengan **HURUF BESAR** dan gunakan pen mata bulat berdakwat **hitam**. Biarkan kosong sekiranya ruangan yang disediakan adalah tidak berkenaan.

Amaun tolakan cukai di Bahagian B dan Bahagian J pada Borang P serta Bahagian B dan Bahagian D pada Borang CP30 perlu diisi dengan nilai sen. Bahagian lain yang melibatkan amaun hanya perlu mengambil kira nilai ringgit sahaja.

Laporkan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

Contoh:

| | |
|---|---|
| Pendapatan / Kerugian boleh dibahagikan (Ruang A2) | RM 125,955.67 |
| Tolakan cukai (Ruang B1) | RM 4,044.30 |

| | | |
|---|---|---|
| A2 | Pendapatan / Kerugian Boleh Dibahagikan | 125,955 |
| B1 | Tolakan cukai - Sek. 110 (Lain-lain) | 4,044.30 |

## MAKLUMAT ASAS

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Nama perkongsian | Seperti didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Jika perkongsian telah bertukar nama, sila catat nama lama perkongsian dalam kurungan.<br>Contoh:<br>R E S T O R A N A I S H A D A N S H A H<br>( R E S T O R A N A I S H A D A N S U D I R ) |

| | | |
|---|---|---|
| 2 | No. cukai pendapatan **D** | Isikan no. cukai pendapatan perkongsian dalam petak yang disediakan.<br>Contoh: No. cukai pendapatan perkongsian : D 0012345602<br>D 0 0 1 2 3 4 5 6 0 2 |
| 3 | No. rujukan (No. pendaftaran) | Nombor pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. |
| 4 | Bilangan pekongsi | Isikan bilangan pekongsi. |
| 5 | Asas pembahagian | Angka pembawah yang digunakan untuk membahagi keuntungan / kerugian.<br><br>Contoh 1: Perkongsian AB<br><br><u>Pekongsi</u> <u>Pembahagian Keuntungan/Kerugian</u><br>A : 753 / 1000<br>B : 247 / 1000<br>∴ Asas pembahagian : 1 0 0 0<br><br>Contoh 2: Perkongsian ABC<br><br><u>Pekongsi</u> <u>Pembahagian Keuntungan / Kerugian</u><br>A : 4 / 7<br>B : 2 / 7<br>C : 1 / 7<br>∴ Asas pembahagian : 7<br><br>Contoh 3: Perkongsian CBA<br><br><u>Pekongsi</u> <u>Pembahagian Keuntungan / Kerugian</u><br>A : 50%<br>B : 30%<br>C : 20%<br>∴ Asas pembahagian : 1 0 0 |
| 6 | Penyimpanan rekod | Ini merujuk kepada penyimpanan rekod yang mencukupi seperti dikehendaki mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Isikan ‘1’ jika mematuhi atau ‘2’ jika tidak. |
| 7 | Menjalankan perniagaan e-Dagang | Isi ‘1’ dalam petak untuk ‘Ya’ jika perkongsian ada menjual apa-apa barang atau memberi perkhidmatan secara dalam talian. Jika ‘Ya’, isi juga ruang F10 di muka surat 4 dalam Borang P.<br>Isi ‘2’ untuk ‘Tidak’ jika perkongsian berkenaan tidak menjalankan perniagaan e-Dagang, atau tidak berkenaan. |

Perkongsian di anggap menjalankan perniagaan e-Dagang sekiranya operasi perniagaan termasuk di dalam model perniagaan e-Dagang seperti jadual di bawah. Model perniagaan ini adalah sebagai panduan umum kepada pembayar cukai.

| **Model Perniagaan e-Dagang** | **Keterangan** | **Contoh** |
|---|---|---|
| 1. Melakukan transaksi jualan ke atas barang atau perkhidmatan secara atas talian | Transaksi jualan yang dilakukan secara atas talian ke atas barang atau perkhidmatan memenuhi kriteria seperti berikut :<br>a. Menggunakan rangkaian elektronik / internet bagi tujuan membuat dan menerima pesanan;<br>b. Bayaran dan penghantaran barangan atau perkhidmatan boleh dilakukan secara *online* atau *offline.* | a. Perniagaan yang menggunakan :<br>i. Media sosial seperti Instagram, Facebook, Whatsapp, Telegram dan seumpamanya;<br>ii. Plaform e-Dagang seperti Lazada, Shopee, Zalora, e-Bay, dan seumpamanya;<br>iii. Laman web / sesawang e-Dagang;<br>iv. Lain-lain medium yang tidak dinyatakan di atas.<br>b. Penyedia perkhidmatan / konsultasi secara atas talian seperti pembelajaran atas talian, konsultasi kesihatan serta gaya hidup, perkhidmatan ebook dan lain-lain. Contoh seperti www.doctoroncall.com.my |
| 2. *App stores / play stores / website* | a. Penyedia *app stores / play stores / website* yang membolehkan pengguna melanggan, membuat pesanan atau menjana pendapatan secara atas talian.<br>b. Pengguna yang menjalankan aktiviti e-Dagang melalui *app stores / play stores / website* bagi menjana pendapatan secara atas talian. | a. Menyediakan aplikasi langganan muzik atau video pengstriman seperti Tonton, iflix dan seumpamanya.<br>b. Jana pendapatan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi perkhidmatan seperti Airasia, Trivago, Grab, Foodpanda, Lalamove dan seumpamanya. |
| 3. *Online advertising* | Menggunakan internet sebagai medium pengiklanan bagi mempromosikan produk atau perkhidmatan kepada pelanggan. | a. Penyedia paparan iklan dan *search engine ads* seperti Google Adsense, Facebook Ads, Blog, Instagram Ads dan seumpamanya.<br>b. Pengguna yang menjana pendapatan secara atas |

| | | |
|---|---|---|
| | | talian menerusi Youtube, Tik Tok, Facebook, Instagram paid review, permainan atas talian dan lain-lain. |
| 4. *Cloud computing* | Penyediaan perkhidmatan komputer berasaskan internet yang standard, boleh dikonfigurasi dan berdasarkan permintaan. Ia merangkumi pengkomputeran, penyimpanan, perisian, dan pengurusan data dengan menggunakan sumber fizikal dan maya secara bersama (rangkaian, pelayan, dan perisian). Perkhidmatan ini boleh dicapai menerusi penggunaan pelbagai jenis peranti (komputer, peranti mudah alih) dan dari mana sahaja dengan syarat terdapatnya capaian internet. | a. *Infrastructure-as-a-service*<br>Contoh seperti Amazon Web Services, Windows Azure, Google Compute Engine, Rackspace Open Cloud IBM SmartCloud Enterprise dan seumpamanya.<br>b. *Platform-as-a-service*<br>Contoh seperti Window Azure, Google App Engine, Force.com dan seumpamanya.<br>c. *Content-as-a-service*<br>Contoh seperti Spotify, Netflix dan seumpamanya.<br>d. *Data-as-a-service*<br>Contoh seperti BrightPlanet DaaS Platform, ATTOM Daas Platform, Third Eye Data, ScaleFocus, ScienceSoft dan seumpamanya.<br>e. *Software-as-a-service*<br>Contoh seperti Microsoft 365, Google Workspace, Adobe Cretaive Cloud dan seumpamanya. |
| 5. *Payment services* | Penyedia perkhidmatan pembayaran secara atas talian yang melibatkan urusniaga atas talian oleh pembeli dan penjual | Penyedia platform pembayaran secara atas talian seperti MOLPay, Ipay88, Boost dan seumpamanya. |
| 6. *Digital currency/ token* | Menjual, membeli atau melombong wang atau token digital. | Matawang atau token digital seperti Bitcoin, Ripple, Ethareum dan seumpanya. |

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk *Guidelines On Taxation Of Electronic Commerce Transactions* bertarikh 13 Mei 2019 yang terdapat di Portal Rasmi LHDNM, *https://www.hasil.gov.my*

## BAHAGIAN A: PENDAPATAN PERNIAGAAN

**Perniagaan**

Keuntungan yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian, profesion dan setiap pengilangan, duga niaga atau usaha bercorak perdagangan dikenakan cukai.

Perolehan dan keuntungan termasuk terimaan kasar daripada penjualan barang-barang dan terimaan daripada pemberian perkhidmatan seperti doktor atau peguam.

**Perkongsian Lain**

Pembahagian keuntungan yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian, profesion dan setiap pengilangan, duga niaga atau usaha bercorak perdagangan dikenakan cukai.

**Perniagaan / Perkongsian Bertaraf Perintis**

Taraf perintis adalah insentif percukaian yang terkandung dalam seksyen 5 hingga seksyen 25 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP 1986). Perniagaan / perkongsian yang mendapat kelulusan ini diberi pengecualian cukai untuk keseluruhan atau sebahagian pendapatan perniagaan daripada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan berhubung dengan pertanian.

**Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan**

Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2006 [P.U. (A) 51/2006], Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2011 [P.U. (A) 166/2011] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 [P.U. (A) 373/2020] adalah berkaitan.

A1 **Kod Perniagaan**

Dapatkan kod perniagaan daripada Lampiran G.

A2 **Pendapatan / Kerugian boleh dibahagikan**

Pendapatan perniagaan atau kerugian perniagaan yang boleh dibahagikan kepada pekongsi.

Sekiranya rugi, cara mengisi ruang ini adalah seperti contoh berikut.

Contoh: Kerugian larasan RM 37,000.00

X | 37000

*(Tandakan 'X' jika nilai negatif)*

**Manfaat Pekongsi**

Amaun manfaat untuk pekongsi yang menikmati faedah / manfaat berkenaan seperti manfaat kenderaan, gaji, perjalanan dan lain-lain.

**Kenaan Imbangan**

Kenaan imbangan akan dikenakan dalam keadaan di mana nilai pelupusan melebihi perbelanjaan baki tetapi terhad kepada jumlah elaun sebenar yang telah diberikan.

(Kenaan imbangan = Nilai pelupusan - Perbelanjaan baki)

**Elaun Imbangan**

Diberi sekiranya baki perbelanjaan melebihi nilai pelupusan, iaitu sebanyak amaun yang berlebihan tersebut.

(Elaun imbangan = Perbelanjaan baki - Nilai pelupusan)

**Elaun Modal**

Sebagai ganti kepada tuntutan susut nilai aset. Kadar elaun modal bergantung kepada jenis aset.

| | | |
|---|---|---|
| | **Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak**<br>Rujuk kepada perkara 2, 3 dan 6 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2002 [P.U. (A) 57/2002], Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2006 [P.U. (A) 275/2006] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2020 [P.U. (A) 269/2020] untuk menentukan kelayakan.<br><br>Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada satu perniagaan / perkongsian, sila senaraikan mengikut format seperti Perniagaan 1 / Perkongsian 1 bagi setiap perniagaan / perkongsian dan kemukakan lampiran bersama Borang P. | |
| **BAHAGIAN B:** | **PENDAPATAN LAIN** | |
| B1 | Faedah | Faedah ialah wang yang dibayar bagi penggunaan wang oleh penghutang atau pembahagian keuntungan kepada pemiutang yang dianggap diterima oleh peminjam. Pendapatan daripada faedah hendaklah dimasukkan sebagai pendapatan kasar apabila diterima bagi tempoh asas di mana pendapatan itu pertama kali boleh diterima. |
| | Diskaun | Pendapatan daripada urusniaga pendiskaunan yang melibatkan bil perbendaharaan, bil pertukaran atau nota janji hutang. |
| B2 | Sewa | Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain.<br><br>A. **Potongan khas bagi pengurangan sewa kepada perusahaan kecil dan sederhana di bawah P.U. (A) 353/2021 bagi bulan April 2020 hingga Disember 2021**<br>(i) Dalam menentukan pendapatan larasan sewa, seseorang tuan tanah yang menyewakan suatu premis perniagaan kepada perusahaan kecil dan sederhana dibenarkan potongan bagi suatu amaun bersamaan dengan jumlah amaun pengurangan sewa sekurang-kurangnya 30% daripada kadar sewa di bawah perjanjian sewa sedia ada bagi suatu premis perniagaan bagi setiap bulan yang layak.<br>(ii) Sekiranya terdapat pengurangan sewa dibuat dalam bulan yang layak tetapi kadarnya kurang daripada 30% maka potongan khas tidak layak dituntut dalam bulan berkenaan.<br>(iii) Syarat-syarat kelayakan:<br>(a) Perjanjian penyewaan yang disetemkan di bawah Akta Setem 1949 [Akta 378];<br>(b) Suatu penyata pendapatan yang berasingan bagi pendapatan sewa bagi bulan yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;<br>(c) Suatu pengesahan yang dibuat oleh –<br>• tuan tanah menyatakan amaun pemberian pengurangan sewa; dan<br>• perusahaan kecil dan sederhana menyatakan penerimaan pengurangan sewa; dan<br>(d) Perakuan oleh SME Corp. Malaysia yang mengesahkan status perusahaan kecil dan sederhana.<br>(iv) Sila buat pengiraan dalam Helaian Kerja HK-4E dan pindahkan amaun yang layak ke HK-4 untuk tuntutan perbelanjaan / potongan khas. Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan. |

| | | |
|---|---|---|
| | | **B. Potongan khas bagi pengurangan sewa kepada penyewa selain daripada perusahaan kecil dan sederhana di bawah P.U. (A) 354/2021 bagi bulan Januari 2021 hingga Disember 2021**<br>(i) Dalam menentukan pendapatan larasan sewa, seseorang tuan tanah yang menyewakan suatu premis perniagaan dibenarkan potongan bagi suatu amaun bersamaan dengan jumlah amaun pengurangan sewa sekurangkurangnya 30% daripada kadar sewa di bawah perjanjian sewa sedia ada bagi suatu premis perniagaan bagi setiap bulan yang layak.<br>(ii) Sekiranya terdapat pengurangan sewa dibuat dalam bulan yang layak tetapi kadarnya kurang daripada 30%, maka potongan khas tidak layak dituntut dalam bulan berkenaan.<br>(iii) Syarat-syarat kelayakan:<br>(a) perjanjian penyewaan yang disetemkan di bawah Akta Setem 1949 [Akta 378];<br>(b) suatu penyata pendapatan yang berasingan bagi pendapatan sewa bagi bulan yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;<br>(c) suatu pengesahan yang dibuat oleh –<br>• tuan tanah menyatakan amaun pemberian pengurangan sewa; dan<br>• penyewa menyatakan penerimaan pengurangan sewa.<br>(iv) Sila buat pengiraan di HK-4E dan pindahkan amaun pengurangan sewa yang layak ke HK-4 untuk tuntutan perbelanjaan / potongan khas. Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan. |
| | Royalti | ‘Royalti’ termasuk apa-apa bayaran yang dibayar sebagai balasan untuk atau diterima daripada:<br>a) penggunaan atau hak untuk menggunakan, hakcipta, perisian, karya seni atau kerja saintifik, paten, reka bentuk atau model, pelan, proses atau formula rahsia, tanda dagangan atau lain-lain bentuk harta atau hak;<br>b) penggunaan atau hak untuk menggunakan, kaset untuk penyiaran radio atau televisyen, filem wayang gambar, filem atau pita video atau apa-apa penerbitan semula lain di mana filem atau kaset tersebut telah atau akan digunakan atau diterbitkan semula di Malaysia, atau lain-lain bentuk harta atau hak;<br>c) penggunaan atau hak untuk menggunakan pengetahuan ‘know-how’ atau pengetahuan teknikal, perindustrian, komersial atau saintifik, pengalaman atau kemahiran;<br>d) penerimaan atau hak untuk menerima imej visual atau suara, atau kedua-duanya, yang dihantar kepada orang ramai melalui satelit, kabel, kabel fiber optik atau teknologi serupa;<br>e) penggunaan atau hak untuk menggunakan imej visual atau suara, atau keduanya, berkaitan dengan penyiaran televisyen atau penyiaran radio yang dihantar melalui satelit, kabel, kabel fiber optik atau teknologi serupa;<br>f) penggunaan atau hak untuk menggunakan, sebahagian atau keseluruhan spektrum frekuensi radio tertentu dalam lesen yang berkaitan;<br>g) Perihal tidak membuat keseluruhan atau sebahagian berkenaan dengan:<br>(i) penggunaan atau kebenaran untuk menggunakan apa-apa harta atau hak sebagaimana disebutkan dalam perenggan (a) atau (b) atau apa-apa pengetahuan, pengalaman, atau kemahiran sebagaimana disebutkan dalam perenggan (c);<br>(ii) penerimaan atau kebenaran untuk menerima, apa-apa imej visual atau suara seperti yang disebutkan dalam perenggan (d); |

| | | |
|---|---|---|
| | | (iii) penggunaan atau kebenaran untuk menggunakan apa-apa imej visual atau suara seperti yang disebutkan dalam ayat (e); atau<br>(iv) penggunaan atau kebenaran untuk menggunakan, sebahagian atau keseluruhan spektrum tertentu dalam lesen spektrum sebagaimana disebutkan dalam ayat (f); atau<br>h) pengasingan apa-apa harta, pengetahuan (know-how) atau maklumat yang disebutkan dalam perenggan (a), (b) atau (c).<br>Amaun H dari Helaian Kerja HK-5. |
| B3 | Pendapatan lain yang tidak disenaraikan | Pendapatan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas. |
| Tolakan cukai di bawah Sek. 110<br>(Lain-lain) /<br>Sek. 132 / Sek. 133 | | Sila rujuk keterangan berikut bagi tuntutan tolakan cukai di bawah Seksyen 110 (Lain-lain) / Seksyen 132 / Seksyen 133 berhubung pendapatan di ruang B1 / B2 / B3.<br>(i) Sek. 110 (Lain-lain)<br>Helaian Kerja HK-6 boleh digunakan sebagai panduan untuk pengiraan.<br>Amaun B dari Helaian Kerja HK-6.<br>Tolakan cukai Seksyen 110 (Lain-lain) TIDAK termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah Seksyen 107A ACP 1967.<br>(ii) Sek. 132<br>Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Sila rujuk Lampiran F untuk senarai negara-negara yang telah memeterai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan Malaysia.<br>Gunakan Helaian Kerja HK-8A.<br>(iii) Sek. 133<br>Tolakan cukai berhubung dengan pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Sila rujuk Lampiran F untuk senarai negara-negara yang TIDAK memeterai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan Malaysia.<br>Gunakan Helaian Kerja HK-9A. |
| B4 | Tambahan mengikut peruntukan perenggan 43(1)(c) | Perolehan-perolehan berikut dianggap pendapatan dan diambil kira di peringkat pendapatan agregat:<br>❑ Perolehan berkaitan dengan perbelanjaan operasi mencari gali di bawah Jadual 4 ACP 1967.<br>❑ Perolehan boleh diambil kira dalam pengiraan cukai jika tuntutan-tuntutan perbelanjaan telah dibuat.<br>❑ Rujuk kepada perenggan 43(1)(c), perenggan 16 Jadual 4 ACP 1967 untuk membuat pengiraan dalam menentukan pendapatan agregat.<br>❑ Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan. |

<table>
<tr><th colspan="2">BAHAGIAN C:</th><th>PERBELANJAAN / HADIAH / TUNTUTAN YANG BOLEH DIBAHAGIKAN</th></tr>
<tr><td>C1</td><td>Perbelanjaan mencari gali - Jadual 4</td><td>Perbelanjaan dalam mencari atau mendapat akses kepada simpanan galian dalam suatu kawasan yang layak, boleh dituntut sebagai potongan.<br><br>Rujuk perenggan 44(1)(b) dan Jadual 4 ACP 1967 untuk menentukan kelayakan.<br><br>Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan.</td></tr>
<tr><th colspan="3">DERMA DAN HADIAH</th></tr>
<tr><td colspan="3">Sumbangan bagi menangani pandemik COVID-19<br><br>Potongan cukai akan diberikan kepada penderma yang mendermakan wang tunai ataupun barangan yang akan digunakan untuk menangani penularan pandemik COVID-19 serta membantu rakyat yang terkesan dengan wabak tersebut. Untuk klasifikasi tuntutan sumbangan ini, sila rujuk Portal Rasmi LHDNM, https://www.hasil.gov.my > Pautan Pantas > FAQs 3.0 > Soalan Lazim Berkenaan Sumbangan / Derma.</td></tr>
<tr><td>C2</td><td>Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan</td><td>Hadiah wang tunai kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan.<br><br>Subseksyen 44(6) ACP 1967.</td></tr>
<tr><td>C3</td><td>Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan</td><td>Hadiah wang tunai kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.<br><br>Subseksyen 44(6) dan proviso, ACP 1967.</td></tr>
<tr><td>C4</td><td>Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan</td><td>Hadiah wang tunai bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.<br><br>Subseksyen 44(11B) dan proviso, ACP 1967.</td></tr>
<tr><td>C5</td><td>Hadiah wang atau kos sumbangan barangan kepada projek Berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan</td><td>Hadiah wang tunai atau kos sumbangan manfaat bagi projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.<br><br>Subseksyen 44(11C) dan proviso, ACP 1967.</td></tr>
<tr><td>C6</td><td>Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam</td><td>Hadiah wang dalam bentuk:-<br>a) wakaf kepada mana-mana pihak berkuasa agama bersesuaian yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu atau universiti awam yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu untuk menerima wakaf; atau<br>b) endowmen kepada universiti awam.<br><br>Wakaf atau endowmen hendaklah disumbang bagi tujuan mencapai objektif penubuhan pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam.<br><br>Maksud ‘universiti awam’:<br><br>Institusi pendidikan tinggi berstatus Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173).</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | Pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam mesti diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi maksud subseksyen 44(11D).<br><br>Subseksyen 44(11D) dan proviso, ACP 1967. |
| C7 | Hadiah artifak / manuskrip / lukisan kepada Kerajaan atau Kerajaan Negeri | Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Jabatan Muzium Malaysia atau Jabatan Arkib Negara.<br><br>Subseksyen 44(6A) ACP 1967. |
| C8 | Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan (Terhad RM20,000) | Hadiah wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam serta perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi dengan syarat, tuntutan bagi perbelanjaan yang sama tidak dibuat di bawah perenggan 34(6)(g) ACP 1967 dalam mengira pendapatan larasan perniagaan.<br><br>Subseksyen 44(8) ACP 1967. |
| C9 | Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri | Hadiah lukisan adalah berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri.<br><br>Subseksyen 44(11) ACP 1967. |
| **BAHAGIAN D:** | | **TUNTUTAN INSENTIF** |
| D1 | Menuntut perbelanjaan khas / potongan selanjutnya / potongan dua kali / insentif di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 | Gunakan kod tuntutan insentif (Lampiran D) yang boleh diperoleh di Portal Rasmi LHDNM:<br><br>*https://www.hasil.gov.my* > Borang > Muat Turun Borang > Selain Syarikat & Selain Individu > Panduan Pengiraan Dan Maklumat Lain Untuk Selain Syarikat & Individu > Lampiran-lampiran<br><br>Tuntutan ini dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu:<br><br>a) Perbelanjaan khas<br>b) Potongan selanjutnya<br>c) Potongan dua kali<br>d) Insentif di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967<br><br>Pilih kod tuntutan yang berkenaan daripada senarai insentif yang disediakan bagi empat (4) kategori tuntutan di atas dan masukkan amaun berkenaan.<br><br>Bagi perbelanjaan yang dikategorikan sebagai 'potongan selanjutnya', amaun yang perlu dimasukkan di bahagian ini ialah amaun potongan tambahan kepada perbelanjaan asal yang telah dituntut dalam akaun.<br><br>**<u>Perenggan 127(3)(b) ACP 1967</u>**<br>Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana kelas orang daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan.<br><br>Pengiraan insentif dan dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak. |

Contoh 1:

Perkongsian Terus Maju menuntut insentif berikut:

| Kod | Keterangan | Amaun |
|---|---|---|
| 225 | Potongan bagi penggajian warga emas, bekas banduan, orang diparol, orang diselia dan bekas penagih dadah | 12,000 |
| 532 | Pendapatan berkenaan dengan perbelanjaan layak bagi maksud memperoleh suatu perakuan indeks bangunan hijau | 20,000 |

Cara pengisian Ruang D1:

| Kod Tuntutan | Baki Bawa Hadapan | Amaun Dituntut | Amaun Diserap | Baki Hantar Hadapan |
|---|---|---|---|---|
| 225 | 0 | 12,000 | 12,000 | 0 |
| 532 | 0 | 20,000 | 20,000 | 0 |

D2 — Menuntut insentif di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967

**Perenggan 127(3A) ACP 1967**

Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana orang tertentu daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan.

Isikan Nombor Siri Surat Kelulusan Insentif dari Kementerian Kewangan dan masukkan amaun berkenaan.

Surat Kelulusan Menteri, pengiraan insentif dan dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.

***Contoh***:

| No. Kelulusan Insentif | Baki Bawa Hadapan | Amaun Dituntut | Amaun Diserap | Baki Hantar Hadapan |
|---|---|---|---|---|
| CPXXXX/2020 | 0 | 45,000 | 45,000 | 0 |

## BAHAGIAN E: MAKLUMAT CUKAI PEGANGAN

Membuat bayaran dalam tempoh asas kepada bukan pemastautin yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A, 109, 109A, 109B dan 109F

Isikan ‘1’ dalam petak untuk ‘Ya’ sekiranya syarikat membuat bayaran dalam tempoh asas yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A, 109, 109A, 109B dan 109F. Isikan ‘2’ dalam petak untuk ‘Tidak’ jika tidak berkenaan.

Helaian Kerja HK-11 boleh digunakan sebagai panduan / rekod untuk penyimpanan.

Jenis-jenis cukai pegangan adalah seperti berikut:

**Cukai pegangan di bawah seksyen 107A**

**Jumlah Kasar Dibayar**

Amaun kasar bahagian perkhidmatan kontrak yang dibuat kepada kontraktor bukan mastautin mengikut peruntukan seksyen 107A ACP 1967.

**Jumlah Cukai Yang Dipegang Dan Diremitkan Kepada LHDNM:**

10% atas jumlah kasar [perenggan 107A(1)(a) ACP 1967]

**Tambah**

3% atas jumlah kasar [perenggan 107A(1)(b) ACP 1967]

*(Peraturan dan prosedur membuat bayaran kepada LHDNM hendaklah dipatuhi).*

| | |
|---|---|
| | **Cukai pegangan di bawah seksyen 109**<br><br>**Jumlah Kasar Dibayar**<br>Amaun kasar bayaran faedah atau royalti kepada seseorang bukan pemastautin.<br><br><u>Kadar cukai mengikut Bahagian II Jadual 1 ACP 1967:</u><br><br>Faedah – 15% daripada amaun kasar<br><br>Royalti – 10% daripada amaun kasar<br><br>atau seperti ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK). Rujuk Lampiran F untuk senarai negara-negara yang telah memeterai PPPDK dengan Malaysia. |
| | **Cukai pegangan di bawah seksyen 109A**<br><br>**Jumlah Kasar Dibayar**<br>Amaun kasar bayaran saraan atau pendapatan lain berhubung perkhidmatan yang dijalankan atau diberikan di Malaysia oleh penghibur awam bukan pemastatautin.<br><br><u>Kadar cukai mengikut Bahagian II, Jadual 1 ACP 1967:</u><br><br>15% daripada amaun kasar |
| | **Cukai pegangan di bawah seksyen 109B**<br><br>**Jumlah Kasar Dibayar**<br>Amaun kasar bayaran pendapatan kelas khas kepada seseorang bukan pemastautin – seksyen 4A ACP 1967.<br><br><u>Kadar cukai mengikut Bahagian V, Jadual 1 ACP 1967:</u><br><br>10% daripada amaun kasar<br><br>atau seperti ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK). Rujuk Lampiran F untuk senarai negara-negara yang telah memeterai PPPDK dengan Malaysia. |
| | **Cukai pegangan di bawah seksyen 109F**<br><br>**Jumlah Kasar Dibayar**<br>Jumlah kasar perolehan atau keuntungan diperoleh dari Malaysia di bawah perenggan 4(f) ACP 1967 yang dibayar kepada seseorang bukan pemastautin.<br><br><u>Kadar cukai mengikut Bahagian XIII, Jadual 1 ACP 1967:</u><br><br>10% atas amaun kasar |

| BAHAGIAN F: | | MAKLUMAT PERKONGSIAN |
|---|---|---|
| F1 – F10 | | Isikan maklumat yang berkenaan di petak yang disediakan. |
| F11 | Mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar Malaysia | Isikan ‘1’ jika mempunyai “akaun kewangan” di institusi kewangan di luar Malaysia atau ‘2’ jika tidak ada / tidak berkenaan. Rujuk maklumat di bawah sebelum membuat pilihan:<br><br>Pengisytiharan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang percukaian Malaysia, selaras dengan komitmen Malaysia terhadap Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dengan Negara-negara Pejanji. Di bawah komitmen tersebut, Malaysia akan menerima maklumat berkenaan akaun kewangan yang disimpan di luar negara oleh pemastautin cukai Malaysia. Walau bagaimanapun, status mempunyai akaun kewangan di luar negara bukanlah petunjuk bahawa berlakunya ketidakpatuhan cukai.<br><br>"Akaun Kewangan" merujuk kepada akaun kewangan yang diselenggara oleh institusi kewangan di luar Malaysia yang merangkumi:<br><br>i) Akaun Depositori<br>• Akaun simpanan, akaun semasa dan akaun deposit lain.<br><br>ii) Akaun Jagaan (Custodial)<br>• Akaun (selain daripada Kontrak Insurans atau Kontrak Anuiti) untuk manfaat orang lain yang memegang sebarang instrumen kewangan atau kontrak untuk pelaburan.<br><br>iii) Kontrak Insurans Nilai Tunai<br>• Kontrak Insurans Nilai Tunai ialah satu kontrak insurans yang mana pemegang polisi berhak menerima pembayaran semasa penyerahan atau penamatan kontrak. Kontrak insurans juga akan menjadi Kontrak Insurans Nilai Tunai apabila pemegang polisi boleh meminjam di bawah kontrak tersebut. Ia adalah produk pelaburan yang mempunyai unsur insurans hayat di dalamnya. Elemen insurans hayat biasanya kecil berbanding dengan elemen pelaburan.<br><br>iv) Kontrak Anuiti<br>• Kontrak di mana pihak yang menawarkannya bersetuju untuk membuat pembayaran untuk jangka masa yang ditentukan secara keseluruhan atau sebahagian dengan merujuk kepada jangka hayat satu atau lebih individu; atau<br>• Kontrak yang mana dianggap sebagai kontrak anuiti di bawah undang-undang, peraturan atau praktis di Malaysia di mana kontrak itu dibuat dan pihak yang menawarkan bersetuju untuk membuat pembayaran dalam satu jangkamasa tertentu.<br><br>v) Kepentingan Ekuiti dan Hutang dalam Entiti Pelaburan |

| | | |
|---|---|---|
| | | Maklumat lebih lanjut berhubung Pertukaran Maklumat Akaun Kewangan Automatik dengan Negara Pejanji boleh didapati di Portal Rasmi LHDNM, https://www.hasil.gov.my> Antarabangsa> Pertukaran Maklumat Automatik (AEOI)> Standard Pelaporan Bersama (CRS). |

**BAHAGIAN G: MAKLUMAT PEKONGSI**

**G1** Ruang G1 adalah khusus untuk maklumat pekongsi utama.

(a) Isikan nama pekongsi utama.

(b) Negara mastautin di mana pekongsi tersebut bermastautin. Gunakan kod negara yang disediakan di muka surat 19 nota penerangan ini atau Lampiran E.

Contoh: Jika negara mastautin adalah Malaysia, isikan kod negara 'MY'.

| M | Y |

(c) (i) Isikan no. pengenalan / pasport / pendaftaran perkongsian / syarikat dalam ruang yang berkenaan. Potong yang mana tidak berkenaan.

(ii) Isikan nombor cukai pendapatan, masukkan OG, SG, C atau sebagainya (yang mana berkenaan) dalam 2 petak pertama, diikuti dengan no. cukai pendapatan di ruang yang disediakan.

Contoh: i) **OG 03443217010**

| O | G | No. Cukai Pendapatan: OG/SG/TA/TC/TP/F/J/C/CS/D/TR/PT/TN

| 0 | 3 | 4 | 4 | 3 | 2 | 1 | 7 | 0 | 1 | 0 |

ii) **C 01234567810**

| | C | No. Cukai Pendapatan: OG/SG/TA/TC/TP/F/J/C/CS/D/TR/PT/TN

| 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 1 | 0 |

(c) Isikan maklumat jika berkenaan:

(i) Tarikh masuk perkongsian bagi pekongsi baru dalam tahun semasa.

(ii) Tarikh keluar perkongsian bagi pekongsi yang keluar perkongsian dalam tahun semasa.

Sekiranya pekongsi tersebut masuk dan keluar perkongsian beberapa kali dalam tahun yang sama, masukkan tarikh pertukaran yang terakhir.

(d) Isikan maklumat jika berkenaan:

(i) Isikan **bahagian** pekongsi mengikut cara pembahagian yang ditentukan oleh perkongsian.

Contoh: Pekongsi A menerima pembahagian pendapatan **2/3**.
'2' adalah **bahagian** pekongsi dan '3' adalah **asas pembahagian** perkongsian.

Isikan bahagian pekongsi A dalam ruang seperti di bawah.

(i) | | | | 2 . | | |

(ii) Isikan nombor untuk jenis manfaat yang diterima oleh pekongsi dalam ruang yang disediakan.

Contoh: Pekongsi A menerima komisen dan manfaat kenderaan daripada perkongsian.

(ii) | 1 | | 3 | | |

(e) Pendapatan berkanun / kerugian larasan (perniagaan utama sahaja)

Pendapatan berkanun perniagaan dikira seperti berikut:

Perniagaan Utama

| | | | |
|---|---|---|---|
| f(i) : | (A) | Pendapatan / Kerugian boleh dibahagi<br>*(Amaun dari A1 Borang CP30)* | xxxxx |
| | | **Tambah:** | |
| | (B) | Manfaat Pekongsi<br>*(Amaun dari A12 Borang CP30)* | xxx |
| | (C) | Pendapatan larasan *(Amaun dari A13 Borang CP30).*<br>*Jika rugi larasan, masukkan ‘0’ dan teruskan pengiraan di ruang D hingga I.* | xxxxx |
| | | **Tambah:** | |
| | (D) | Kenaan imbangan<br>*(Amaun dari A14 Borang CP30)* | xx |
| | (E) | Jumlah (C + D) | xxxxx |
| | | **Tolak:** | |
| | (F) | Elaun imbangan dan Elaun modal<br>*(Amaun dari A15 Borang CP30, terhad kepada amaun di E)* | xx |
| | (G) | **Pendapatan Berkanun** (E – F) | **xxxxx** |
| | | **Jika layak menuntut Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak, teruskan dengan pengiraan di bawah:** | |
| | | **Tolak:** | |
| | (H) | Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak<br>*(Amaun dari A16 Borang CP30)* | xx |
| | (I) | **Pendapatan Berkanun selepas tolakan Elaun Peningkatan Eksport Perkhidmatan Yang Layak** (G – H) | **xxxxx** |
| f(ii) : | | Jika amaun dari A13 Borang CP30 merupakan kerugian larasan, **isikan amaun kerugian larasan di f(ii).** | |

| | |
|---|---|
| G2 – G6 | Isikan maklumat yang berkenaan bagi pekongsi kedua dan seterusnya seperti format di G1 di ruang G2 hingga G6 (jika ada).<br>Kemukakan lampiran tambahan jika bilangan pekongsi lebih daripada enam (6) orang. |

| **BAHAGIAN H:** | **MAKLUMAT KEWANGAN PERKONGSIAN** | |
|---|---|---|
| H1 | Kod perniagaan | Isi kod perniagaan (rujuk Lampiran G) bagi perniagaan utama sahaja. Jika mempunyai lebih dari satu perniagaan utama, isi kod untuk perniagaan yang mempunyai perolehan terbesar. |
| H1A | Jenis aktiviti perniagaan | Nyatakan jenis aktiviti perniagaan berkenaan dalam petak yang disediakan. |
| H2 | Jualan atau perolehan | Pendapatan kasar termasuk pendapatan terakru daripada jualan, fi dan terimaan lain. |
| H3 | Stok awal | Stok barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan. |

| | | |
|---|---|---|
| H4 | Belian dan kos pengeluaran | ❑ Jumlah belian kasar tolak diskaun dan rebat berkaitan dengan perniagaan utama.<br>❑ Kos pengeluaran daripada Akaun Pengilangan. |
| H5 | Stok akhir | Stok barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan. |
| H6 | Kos jualan | Jumlah (H3 campur H4 tolak H5). Isikan '0' jika tiada. |
| H7 | UNTUNG / RUGI KASAR | H2 tolak H6. |
| H8 | Perniagaan lain | Pendapatan kasar perniagaan dari punca selain daripada H1. |
| H9 – H11 | Dividen, Faedah dan diskaun, Sewa, royalti dan premium | Pendapatan kasar dari punca berkenaan. |
| H12 | Pendapatan lain | Jumlah semua pendapatan kasar dari punca bukan perniagaan yang tidak disenaraikan di atas. |
| H14 | Faedah pinjaman | Jumlah semua perbelanjaan faedah kecuali faedah sewa beli dan faedah pajakan. |
| H15 – H22 | Perbelanjaan | Amaun seperti dalam Akaun Untung Rugi. |
| H23 | Perbelanjaan lain | Amaun seperti dalam Akaun Untung Rugi. |
| H25 | UNTUNG / RUGI BERSIH | Untung atau Rugi Bersih seperti dalam Akaun Untung Rugi. |
| H26 | Perbelanjaan yang tidak dibenarkan | Amaun F1 dari Helaian Kerja HK-1A atau HK-1F. |
| H27 – H30 | Aset Tetap | Nilai buku bersih seperti dalam Kunci Kira-Kira. |
| H32 | Pelaburan | Kos pelaburan dan simpanan tetap. |
| H33 – H44 | Aset Semasa dan Liabiliti | Jumlah seperti dalam Kunci Kira-Kira. |
| H45 – H49 | Ekuiti Perkongsian | Baki seperti dalam Kunci Kira-Kira. |

| | |
|---|---|
| **BAHAGIAN J:** | **PENDAPATAN TAHUN KE BELAKANG YANG BELUM DILAPORKAN** |
| J1 – J2 | Pendapatan yang diterima berkenaan sesuatu tahun terdahulu yang belum dilaporkan. |

| BAHAGIAN K: | PELUPUSAN ASET DI BAWAH AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976 | |
|---|---|---|
| K1 | Melupuskan aset di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 | Merujuk kepada aset yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.<br>Isikan '1' untuk 'Ya' sekiranya ada melupuskan aset, dan isi juga ruang K2.<br>Isi '2' untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan. |
| K2 | Melaporkan pelupusan tersebut kepada LHDNM | Isikan '1' ('Ya') jika telah melaporkan pelupusan berkenaan kepada LHDNM atau '2' ('Tidak') jika belum. Sekiranya belum dilaporkan, sila hubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, *https://www.hasil.gov.my.* |

| BAHAGIAN L: | MAKLUMAT CP30 |
|---|---|
| L1 – L2 | Pekongsi utama adalah bertanggungjawab mengisi Borang P serta mengeluarkan Borang CP30 kepada setiap pekongsi.<br>Jika L1 =1 ('Ya'), nyatakan tarikh Borang CP30 asal dikeluarkan.<br>Sekiranya terdapat perubahan dalam pengagihan pendapatan perkongsian pada Borang P, pekongsi utama perlu mengeluarkan borang CP30 (Pindaan) kepada setiap pekongsi. Nyatakan pindaan tersebut bilangan yang keberapa dan tarikh ianya dikeluarkan. |

| AKUAN |
|---|
| Borang nyata yang tidak ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses. Surat Pemberitahuan Borang Nyata Tidak Lengkap akan dikeluarkan sebagai makluman. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Tindakan di bawah perenggan 120(1)(d) akan diambil jika berlaku kelewatan dalam mengemukakan semula borang nyata kepada LHDNM. |

| MAKLUMAT EJEN CUKAI DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI |
|---|
| • No. kelulusan ejen cukai adalah nombor kelulusan yang diberikan kepada ejen cukai yang diluluskan di bawah subseksyen 153(3) ACP 1967.<br>• Bahagian ini perlu diisi dan ditandatangani oleh ejen cukai yang menyediakan borang nyata ini. |

| CP30: | PEMBAHAGIAN PENDAPATAN PERKONGSIAN |
|---|---|

Pekongsi utama bertanggungjawab mengisi Borang P serta mengeluarkan Borang CP30 kepada setiap pekongsi. Borang CP30 perlu disediakan dalam tempoh yang ditetapkan bagi membolehkan pekongsi melaporkan pendapatan daripada perkongsian.

Sila ceraikan Borang CP30 yang dilampirkan bersama Borang P, dan gunakannya sebagai contoh untuk menyediakan Borang CP30 yang berasingan untuk setiap pekongsi.

Jika terdapat perubahan dalam pembahagian pendapatan perkongsian pada Borang P, pekongsi utama bertanggungjawab mengeluarkan Borang CP30 (Pindaan) kepada pekongsi untuk memaklumkan perubahan tersebut.

**MAKLUMAT PEKONGSI**

1 – 6

Isikan semua maklumat pekongsi di petak yang berkenaan seperti mana yang diisi di Bahagian G Borang P.

**Bahagian** dan **Asas Pembahagian**

Nyatakan bahagian pekongsi yang berkenaan dalam Borang CP30 masing-masing.

Contoh :

a) Pekongsi A menerima pembahagian pendapatan 2/3.

Isikan bahagian / asas pembahagian pekongsi A dalam ruang seperti berikut:

Bahagian | 2 . | Asas Pembahagian | 3 |

b) Pekongsi A menerima pembahagian pendapatan 25%

Isikan bahagian / asas pembahagian pekongsi A dalam ruang seperti di bawah.

Bahagian | 2 5 . | Asas Pembahagian | 1 0 0 |

**Pembahagian Asal** dan **Pembahagian Pindaan**

Sekiranya terdapat pekongsi yang masuk atau keluar dalam tahun semasa dan berlaku perubahan dalam pembahagian asal pendapatan, sila tandakan ‘X’ di petak ‘Pembahagian Pindaan’.

**Pindaan Ke -**

Bahagian ini hanya perlu diisi jika terdapat pindaan kepada Borang CP30 asal yang telah dikeluarkan untuk tahun semasa.

| BAHAGIAN A: | PEMBAHAGIAN PENDAPATAN / KERUGIAN PERNIAGAAN |
|---|---|

A1 – A21

Isikan maklumat yang berkenaan di petak yang disediakan.

**Pendapatan / Kerugian yang boleh dibahagikan**

$$\text{Amaun daripada A2 Borang P} \times \frac{\text{Bahagian}}{\text{Asas Pembahagian}}$$

Contoh : $\text{RM } 55{,}000 \times \frac{2}{5} = \text{RM } 22{,}000$

| | |
|---|---|
| | **Manfaat Pekongsi**<br>Ruang A2 hingga A11 yang mana berkenaan sahaja perlu diisi untuk pekongsi yang menikmati faedah / manfaat berkenaan. |
| **BAHAGIAN B:** | **PEMBAHAGIAN PENDAPATAN LAIN** |
| B1<br>–<br>B4 | Isikan maklumat yang berkenaan di petak yang disediakan.<br>Pengiraan bagi setiap pekongsi berhubung pendapatan lain yang boleh dibahagikan.<br>Contoh: Amaun daripada B1 Borang P x $\frac{\text{Bahagian}}{\text{Asas Pembahagian}}$ |
| **BAHAGIAN C:** | **PEMBAHAGIAN PERBELANJAAN / HADIAH / TUNTUTAN** |
| C1<br>–<br>C5 | Pengiraan bagi setiap pekongsi berhubung perbelanjaan / hadiah / tuntutan dilakukan yang boleh dibahagikan.<br>Contoh : Amaun daripada C3 Borang P x $\frac{\text{Bahagian}}{\text{Asas Pembahagian}}$ |
| **BAHAGIAN D:** | **PEMBAHAGIAN PENDAPATAN TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN** |
| D1<br>–<br>D2 | Pengiraan bagi setiap pekongsi berhubung pendapatan tahun kebelakangan yang belum dilaporkan yang boleh dibahagikan.<br>Contoh : Amaun daripada J1 Borang P x $\frac{\text{Bahagian}}{\text{Asas Pembahagian}}$ |

## KOD NEGARA

Sebahagian dari kod negara untuk pilihan. Rujuk **Lampiran E** untuk senarai lengkap jika negara pilihan tidak disenaraikan.

| Negara | Kod | Negara | Kod | Negara | Kod |
|---|---|---|---|---|---|
| Australia | AU | Iran (Islamic R.O.) | IR | Philippines | PH |
| Bangladesh | BD | Iraq | IQ | Saudi Arabia | SA |
| Brunei | BN | Japan | JP | Singapore | SG |
| Cambodia | KH | Korea, D.P.R. | KP | South Africa | ZA |
| Canada | CA | Korea, R.O. | KR | Sri Lanka | LK |
| China | CN | Laos, D.P.R. | LA | Taiwan | TW |
| Denmark | DK | **Malaysia** | **MY** | Thailand | TH |
| Hong Kong | HK | Myanmar | MM | United Kingdom | GB |
| India | IN | New Zealand | NZ | United States | US |
| Indonesia | ID | Pakistan | PK | Vietnam | VN |

Nota: R.O. = Republic of; D.P.R. = Democratic People's Republic of